


BERHEMAH

PERILAKU INTERNET YANG POSITIF

Internet bak pedang bermata dua yang membawa peluang dan juga risiko. Apabila kita memilih untuk menggunakan internet secara positif, kita komited untuk bertindak secara bertanggungjawab dan beretika, sambil memberi inspirasi kepada orang lain untuk melakukan yang sama.




KENAPA SAYA PERLU TAHU?

Semua yang kita lakukan atau katakan dalam talian mempunyai kesan dalam kehidupan bukan hanya pada diri sendiri, tetapi juga pada seluruh masyarakat. Ia boleh membawa akibat yang serius seperti serangan dalam talian terhadap individu atau penyebaran maklumat palsu secara meluas. Emosi boleh membuak-buak lebih-lebih lagi semasa pandemik COVID-19 ini. Sedikit sikap positif boleh memberikan perbezaan yang besar kerana orang ramai semakin banyak mengakses kandungan dalam talian.

BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MEMBANTU ORANG LAIN UNTUK MENGAMALKAN PENGGUNAAN INTERNET YANG POSITIF?



- **Memimpin dengan menunjukkan teladan:** Kita sering dipengaruhi oleh tingkah laku keluarga dan rakan-rakan kita. Anda boleh memberikan inspirasi kepada orang lain dengan mengamalkan etika internet yang positif secara aktif.



- **Tegur tingkah laku yang negatif secara berhemah:** Jika anda melihat orang lain menunjukkan tingkah laku yang negatif dalam talian, jangan perhatikan sahaja. Tegur dan cadangkan cara-cara yang lebih positif untuk mereka tangani keadaan tersebut.



- **Kongsikan sumber-sumber:** Jika anda terbaca atau mempelajari sesuatu yang berguna dalam talian, kongsiikan agar orang lain juga boleh meraih manfaat daripadanya. Bagaimanapun, hanya kongsiikan setelah anda mengesahkan sama ada maklumat tersebut boleh dipercayai!

INTERNET YANG LEBIH BAIK BERMULA DENGAN ANDA!

#Berhemah

Fikir Sebelum Anda Pos

Disokong oleh:




Dibantu oleh:


SG:D | GET READY!



APAKAH CARA-CARA KITA BOLEH MENGGUNAKAN INTERNET SECARA POSITIF?



BERIKUT ADALAH BEBERAPA CARA KITA BOLEH MENGHORMATI ORANG LAIN DALAM TALIAN!



POS SECARA POSITIF

- Meskipun mempunyai pendapat yang berbeza daripada orang lain adalah perkara biasa, tidak perlu untuk bersikap menghina atau tidak menghormati. Sentiasa ingat bahawa orang yang anda hubungi dalam talian juga mempunyai perasaan.
- Ada kalanya, kita mungkin ingin meluahkan perasaan dalam talian setelah melalui pengalaman yang negatif. Bagaimanapun, lebih baik untuk menyuarakan maklum balas anda secara membina.
- Anda juga boleh memberikan ulasan positif atau komen yang menyokong untuk menggalakkan orang lain dalam talian.



BERSUARA MENENTANG NEGATIVITI

- Jika anda terlihat seseorang dibuli atau diganggu melalui pos dan komen yang kasar, bantu mereka dengan melaporkan pos-pos ini.
- Dengan melaporkannya, anda membantu mewujudkan persekitaran internet yang lebih baik untuk semua.



FIKIR SEBELUM ANDA BERKONGSI

- Sebelum anda menyebarkan foto, pautan atau pesanan teks yang anda terima, sebaiknya periksa dahulu bahawa ia bukan berita palsu, penipuan atau maklumat palsu.
- Sesuatu yang kelihatan lucu dan tidak berbahaya dalam talian boleh menyebarkan perasaan negatif atau akhirnya mengaibkan orang lain.

#Berhemah

Fikir Sebelum Anda Pos

Disokong oleh:




Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!



APAKAH CARA-CARA KITA BOLEH MENGGUNAKAN INTERNET SECARA POSITIF?




BERIKUT ADALAH BEBERAPA CARA KITA BOLEH MENGHORMATI ORANG LAIN DALAM TALIAN!




HORMATI PRIVASI ORANG LAIN

- ▶ 'Doxxing' berlaku apabila seseorang menerbitkan maklumat peribadi orang lain dengan tujuan untuk mengganggu, mengancam atau memudahkan keganasan terhadap mereka.
- ▶ Ini termasuk nama, alamat, e-mel, nombor telefon, dan tempat kerja mereka.
- ▶ 'Doxxing' bukanlah tindakan yang wajar untuk diambil, dan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perlindungan daripada Gangguan di Singapura.



JANGAN MEMALUKAN ORANG LAIN SECARA TERBUKA

- ▶ Media sosial mempermudah pengguna untuk mengesan individu dalam talian dan menghukum mereka bagi sesuatu yang dianggap sebagai kenyataan yang tidak sensitif atau tingkah laku yang buruk.
- ▶ Tanpa konteks yang lengkap, seseorang mungkin membuat kesimpulan dan mengutuk si "pelaku" secara terburu-buru atau silap. Dalam beberapa kes, orang yang dituduh boleh menerima ugutan bunuh, kata-kata kasar dan kesat atau bahkan maklumat peribadinya didedahkan.
- ▶ Jika anda mempunyai masalah dengan rakan netizen, sebaiknya anda hubungi individu tersebut secara peribadi untuk mengetahui lebih lanjut.



AMALKAN SIKAP EMPATI

- ▶ Yang paling penting, hormati orang lain seperti mana anda ingin dihormati.
- ▶ Tunjukkan sikap berhemah dan baik hati kepada rakan-rakan netizen - semua orang boleh meraih manfaat daripada persekitaran yang lebih positif.

#Berhemah

Fikir Sebelum Anda Pos

Disokong oleh:



Dibantu oleh:

SG:D | GET READY!

